SAMPEL PERCUMA

Soalan Sejarah Tingkatan 2 Bab 5 Kesultanan Melayu Melaka + Jawapan

Set penuh: Latihan Sejarah T1–5

Set Tingkatan 1–5

Sampel ini: 6 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Latihan objektif, struktur dan esei ikut bab (T1–5)
- Modul Sejarah T4 & T5
- Pelan ulang kaji 30 hari

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/latihan-sejarah-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

BAB 5:KESULTANAN MELAYU MELAKA

BAHAGIAN A

1. Pengasasan Kesultanan Melayu Melaka ialah sekitar tahun

   A 1400

   B 1500

   C 1600

   D 1900

2. Mengapakah Parameswara memilih Melaka untuk dijadikan sebagai sebuah kerajaan?

A Kaya dengan hasil bumi

B Kedudukan yang strategik

C Sesuai untuk mendirikan penempatan

D Banyak tumbuhan semulajadi untuk menjana ekonomi

3. Gambar berikut menunjukkan pokok bakau yang terdapat di Melaka.



Apakah kepentingan tumbuhan tersebut kepada Melaka?

I Benteng pertahanan

II Perlindungan semula jadi

III Petunjuk kepada pelayar

IV Bekalan hasil perdagangan

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

4. Apakah kepentingan bentuk muka bumi yang berbukit bukau di Melaka?

I Menjadi benteng pertahanan

II Memajukan bidang pertanian

III Memudahkan urusan jual beli

IV Menjadi panduan kapal dagang

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

5. Apakah nama sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka?

A Sistem pembesar lapan lipatan

B Sistem pembesar empat lipatan

C Sistem pembesar enam belas lipatan

D Sistem pembesar tiga puluh dua lipatan

6. Pemerintah Melaka mengurniakan kawasan khas kepada pembesar berempat untuk ditadbir. Kawasan tersebut dikenali sebagai

A Kawasan pegangan

B Kawasan pemakanan

C Kawasan perlindungan

D Kawasan pungutan cukai

7. Maklumat berikut menyenaraikan peranan Bendahara dalam pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.

- Ketua hakim
- Pemangku sultan

Apakah **X**?

A Penasihat raja

B Pemungut hasil

C Penguasa bandar

D Pengawal peribadi raja

8. Antara berikut, apakah tugas utama para pembesar dalam pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka?

I Menjaga kesihatan raja

II Membawa tenaga buruh dari luar

III Mengutip cukai melalui sistem serah

IV Membekalkan tentera untuk tujuan peperangan

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

9. Maklumat berikut berkait dengan *Hukum Kanun Melaka.*

- Mengandungi 44 fasal
- Berkaitan hak keistimewaan, tanggungjawab raja dan pembesar

Hukum Kanun Melaka ditulis semasa pemerintahan

A Sultan Alauddin Riayat Shah

B Sultan Mahmud Shah

C Sultan Mansur Shah

D Sultan Muzaffar Shah

10. Apakah kepentingan *Undang-undang Laut Melaka* dalam aktiviti perdagangan di Melaka?

A Urus niaga berjalan dengan lancar

B Keselamatan rakyat jelata terpelihara

C Dasar monopoli perdagangan terjamin

D Pelbagai kemudahan disediakan di pelabuhan

11. Bagaimanakah negeri-negeri berikut diletakkan di bawah pengaruh Kesultanan Melayu Melaka?

- Patani
- Kedah
- Lingga

A Kerelaan

B Kejujuran

C Penaklukan

D Perkahwinan

BAB 5 : KESULTANAN MELAYU MELAKA

TINGKATAN 2			
TEMA : Warisan Negara	**TAJUK : 5** Kesultanan Melayu Melaka	**SK :** Kesultanan Melayu Melaka	**SP:** 6.1.1 Menceritakan pengasasan Kesultanan Melayu Melaka.

1 Parameswara bijak memanfaatkan lokasi iaitu Sungai Bertam untuk mengasaskan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka.

(Buku teks m.s 72-73)

(a) **Apakah** faktor Parameswara memilih lembah sungai tersebut untuk membentuk kerajaan?

.....

.....

.....

(3 *markah*)

(b) **Nyatakan** manfaat pemilihan lokasi yang strategik terhadap kemajuan Kesultanan Melayu Melaka.

.....

.....

.....

(3 *markah*)

(*c*) Sekiranya anda menjadi pemimpin, apakah lokasi yang akan anda pilih untuk membina kerajaan?
Berikan hujah anda.

.....

.....

.....

.....

(4 *markah*)

Panduan penskoran – Struktur

No. Soalan	Jawapan	Markah
	BAHAGIAN B (STRUKTUR)	
1 (a)	**Apakah**	
	F1 Kedudukan yang strategik	**1**
	F2 Terletak di laluan perdagangan antara timur dan barat	**1**
	F3 Terletak di selat Melaka	**1**
	F4 Terlindung daripada angina monsoon	**1**
	F5 Menjamin keselamatan pedagang	**1**
	F6 Merupakan sebuah perkampungan nelayan	**1**
	F7 Tempat berjual beli dan pertukaran barang dagangan	**1**
	F8 Bentuk muka bumi yang berbukit-bukau	**1**
	Maks	**(3 Markah)**
1 (b)	**Nyatakan…**	
	F1 Melaka muncul sebagai pusat perdagangan	**1**
	F2 Menjadi pusat persinggahan pedagang ke timur dan barat	**1**
	F3 Menjamin keselamatan pedagang	**1**
	F4 Memperkukuhkan sistem pertahanan Melaka	**1**
	F5 Memudahkan pedagang sampai ke Melaka berdasarkan panduan bukit-bukau	**1**
	F6 Melancarkan urusan jual beli dan pertukaran barang	**1**
	F7 Melaka menjadi sebuah empayar besar	**1**
	F8 Menjalankan perluasan kuasa	**1**
	F9 Menjadi peabuhan entrepot	**1**
	Maks	**(3 Markah)**
1 (c)	**Berikan…**	
	F1 Lembah sungai yang strategik	**1**
	F2 Persisiran pantai	**1**
	F3 Tanah yang subur	**1**
	F4 Sesuai untuk pertanian	**1**
	F5 Sesuai untuk petempatan kekal	**1**
	F6 Kemudahan bekalan air	**1**
	F7 Membekalkan sumber protein/ikan/hidupan air/makanan	**1**
1 (d)	F8 Kemudahan sistem pengangkutan/perhubungan/hubungan diplomatic.	**1**
	(Mana-mana munasabah) **Maks**	**(4 Markah)**
	Jumlah	**10 Markah**

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Latihan Sejarah T1–5

Set Tingkatan 1–5

Sampel ini: 6 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Latihan objektif, struktur dan esei ikut bab (T1–5)
- Modul Sejarah T4 & T5
- Pelan ulang kaji 30 hari

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/latihan-sejarah-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar